

03/06/2002

NGO akui wang dari luar negara biayai kempen

KUALA LUMPUR, Ahad - Kebanyakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini bergerak menerusi pembiayaan rangkaian cawangan pertubuhan sendiri serta bantuan negara maju.

Bagaimanapun kegiatan NGO itu bergantung kepada matlamat penubuhannya sama ada mengenai alam sekitar, hak kepenggunaan atau aktivis sosial.

Jurucakap sebuah NGO yang dihubungi hari ini, mengaku majoriti program yang dijalankan memang dibiaya pelbagai sumber, termasuk ibu pejabat, rangkaian pertubuhan itu di seluruh dunia dan bantuan beberapa kedutaan asing.

"Semua ini bergantung kepada kempen atau program yang kami jalankan, sama ada melalui perkongsian pintar, kerjasama serta kajian terhadap sesuatu isu asalkan kegiatan yang dijalankan mempunyai matlamat sama dengan perjuangan kami," katanya hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang menyifatkan beberapa NGO dibiaya dari luar negara sebagai pembelot negara.

Jurucakap NGO itu bagaimanapun berkata, walaupun mereka dibiaya sumber asing, mereka masih bekerjasama dengan kerajaan dalam beberapa projek yang didapati tidak bercanggah dengan prinsip perjuangan mereka.

Katanya, selain menjalankan aktiviti seperti kajian terhadap beberapa isu sosial dan alam sekitar, ada NGO mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

(END)